

2016

# SEKATAN PERJALANAN



## Perhatian

Sekatan perjalanan dikuatkuasakan di bawah  
Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 / Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LHDNM/R18/16

# 18

## PENGENALAN

- Sekatan perjalanan dikenakan ke atas individu atau pengarah syarikat yang gagal menjelaskan tunggakan cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah atau cukai korporat
- Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh mengeluarkan sijil sekatan bagi menghalang seseorang meninggalkan negara

## PENGELUARAN SIJIL

- Sijil sekatan perjalanan dihantar ke alamat terakhir pembayar cukai melalui pos berdaftar

## TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI

- Individu atau pengarah syarikat hendaklah menjelaskan cukai sepenuhnya berdasarkan sijil yang dikeluarkan

## PERMOHONAN PEMBATALAN SEKATAN PERJALANAN

### PEMBATALAN

- Bayaran penuh telah dijelaskan seperti amaun di Sijil Sekatan Perjalanan yang dikeluarkan

### PELEPASAN SEMENTARA

- Jika tidak dapat menjelaskan tanggungan cukai sepenuhnya, pembayar cukai masih boleh memohon pelepasan sementara bagi perjalanan ke luar negara seperti berikut:

- Pembayar cukai atau wakil hadir ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai sekurang-kurangnya **7 hari sebelum tarikh perjalanan ke luar negara**
- Mengemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat destinasi, tujuan dan tempoh ke luar negara
- Membuat bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah cukai tertunggak dan membuat aturan bayaran ansuran untuk baki selebihnya

- Surat pelepasan sementara akan dikeluarkan kepada pembayar cukai dengan menyatakan tempoh pelepasan yang dibenarkan

## KAEDAH BAYARAN

melalui  
**Tunai**

**ByrHASIL** / Perbankan Internet / Kaunter Bank / Kaunter Bayaran LHDNM

Tempoh Pengeluaran Surat Pembatalan / Pelepasan Sementara

Dalam tempoh  
**5 hari bekerja**  
Kemukakan Resit Bayaran Ke Cawangan LHDNM

## PERINGATAN

Bagi mengelakkan sebarang kesulitan, sila semak dan jelaskan tunggakan cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah atau syarikat anda sebelum merancang ke luar negara

Untuk membuat semakan sekatan ke luar negara, sila kunjungi laman sesawang Jabatan Imigresen Malaysia [www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my)



/LHDNM



/LHDNM



/LHDNM



1-800-88-5436 (LHDN)

### Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

**HASIL** Teman Keceriaan Anda